

15 SEP 1999

Ramos-Perbincangan

RAMOS DAN DR MAHATHIR BINCANG MENGENAI ASEAN DAN TIMOR TIMUR

PUTRAJAYA, 15 Sept (Bernama) -- Bekas presiden Filipina Fidel Ramos mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dan membincangkan pelbagai isu termasuk peranan Asean berhubung perkembangan di Timor Timur.

Ramos berkata mereka bersetuju mengenai perlunya bagi negara-negara Asean untuk bekerjasama rapat membantu Indonesia sebaik mungkin dan "mengelak kesan pengaliran keluar ketidakstabilan politik di Indonesia."

Semasa bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, bekas presiden itu berkata beliau mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir kerana kejayaannya memulihkan ekonomi Malaysia.

"Beliau (Dr Mahathir) telah dikecam hebat setahun yang lepas kerana langkah-langkah tidak konvensionalnya itu, kini malahan IMF memuji keberkesanan dasar-dasarnya," kata Ramos.

Kedua-dua pemimpin itu juga berbincang mengenai Kawasan Pertumbuhan Asean Timur Brunei-Indonesia- Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) yang diusahakan oleh Filipina pada 1993.

Ramos berkata wilayah kecil itu yang bertenaga bagi kerjasama perdagangan dan pelbagai bentuk kerjasama ekonomi sehingga kegawatan ekonomi berlaku pada Julai 1997, harus dipulihkan.

Ramos kini mempengerusikan Ramos Peace and Development Foundation, yang ditubuhkan untuk menyediakan mekanisme sokongan bagi kerajaan Filipina dan rakyatnya dalam empat bidang -- diplomasi ekonomi, pembangunan mapan, pentadbiran demokratik dan kestabilan serta keselamatan Asia Pasifik.

Yayasan itu dianggota beberapa bekas anggota kabinet di bawah pentadbiran Ramos, anggota Parlimen yang bersara, ahli bank dan diplomat.

-- BERNAMA

AFY RON